



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***NILAI BUDAYA DALAM CERITA RAKYAT MASYARAKAT ORANG ASLI
TEMIAR DI GUA MUSANG, KELANTAN, MALAYSIA***

MOHD FAHMI ISMAIL

FBMK 2017 47



**NILAI BUDAYA DALAM CERITA RAKYAT MASYARAKAT
ORANG ASLI TEMIAR DI GUA MUSANG, KELANTAN,
MALAYSIA**

Oleh

MOHD FAHMI BIN ISMAIL

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera

Disember 2016



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Dedikasi

Alunan Syukur dengan Bismillah pembuka bicara
Di atas rahmat dan kurniaan-Nya yang tidak terhingga
Yang selalu mengiringi perjuangan hidupku di dunia fana
Untuk terus pantas mengejar dan mengecapi kejayaan

Buat ayahanda dan bonda
Ismail Omar dan Allahyarham Hanisah Mamat
Doa dan pengorbanan kalian membuka sejuta pengertian dan
memberikan selaut
Sokongan dan setinggi gunung harapan buatku
Tanpa dirimu, aku tidak mampu berdiri segagah dan seteguh ini

Juga untuk guru yang tidak jemu mendidik ku,
yang tidak pernah mengeluh menabur bakti kepada ku,
yang sentiasa menyemai benih-benih ilmu kepada ku,
Agar menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, bangsa dan
negara
Terima kasih Cikgu!

Buat adik- beradik dan keluarga yang amat kusayangi
Jutaan terima kasih atas nasihat, bantuan dan
sokongan padu yang kalian hulurkan

Istimewa buat teman-teman seperjuangan yang ku sayangi
Mohd firdaus Che Ya'acob, Fikri Sofi, Azri, Azam, , Faizah , Kak Aty,
Suhadan dan
ramai lagi yang tak mampu ku cacatkan disini
Terima kasih atas dorongan yang kalian titipkan buatku saban hari
Kehadiran kalian membawa erti persahabatan dan kehidupan ini

Juga tidak kulupa buat insan teristimewa
Dengan nasihat dan kata semangat darimu
Kejayaanmu membakar semangat
Terima kasih kerana
Menghadirkan semangat baru untuk menggapai impian
Berjuang demi mencapai cita-cita dan impian bersama.

Kejayaan ini, aku hadiahkan untuk semua !!
Sebagai buah tangan terindah dan hakiki dariku.
Untuk manfaat semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**NILAI BUDAYA DALAM CERITA RAKYAT MASYARAKAT ORANG ASLI
TEMIAR DI GUA MUSANG, KELANTAN, MALAYSIA**

Oleh

MOHD FAHMI BIN ISMAIL

Disember 2016

Pengerusi : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik-tolak daripada pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata menjelaskan bahawa kajian ilmiah tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar, di Gua Musang, Kelantan. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum lagi dikaji secara sistematis. Hal ini dengan sendirinya mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada satu pengkajian ilmiah yang khusus. Kajian ini berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama, iaitu mendokumentasikan cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Kedua, menganalisis nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Ketiga, merumus nilai-nilai budaya dalam cerita-cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Selanjutnya, kajian ini menerapkan kerangka nilai budaya dalam menganalisis cerita-cerita rakyat yang dikaji. Selain itu, data-data cerita rakyat yang diceritakan ini dirakam dengan menggunakan alat perakam semasa di lapangan. Seterusnya, data-data cerita rakyat tersebut didokumentasikan dalam bentuk bertulis bagi tujuan analisis. Hasil dapatan kajian ini berhasil menemukan 11 nilai budaya yang menjadi pegangan masyarakat Orang Asli Temiar. Sementara itu, kemantapan nilai budaya dan pengamalan nilai budaya dalam kehidupan sehari-hari melahirkan kesan-kesan tersirat dan tersirat kepada diri dan masyarakat komuniti ini. Kesimpulannya, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar, di Gua Musang, Kelantan, dapat dianggap memanifestasikan kehidupan, adat kepercayaan dan lambang jati diri masyarakat ini.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

CULTURAL VALUES IN FOLKTALES OF TEMIAR INDIGENOUS COMMUNITY IN GUA MUSANG, KELANTAN, MALAYSIA

By

MOHD FAHMI BIN ISMAIL

Disember 2016

Chairman : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This study was stems from the early observation of literature reviews tell studies of folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. As far as concerned, the folktales of Temiar Indigenous community never studied systematically to date. Therefore open an empty space in scientific research which required a specific research. This study aims to fill the empty space by examine the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. This study focused on three main objectives. First was to document the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. Second was to analyze cultural values in the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. Lastly was to formulate the cultural values in the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. Concomitantly, this study used literature research and field research. Furthermore, this study use framework of cultural values to analyze the folktales. Besides, the folktales were recorded using voice recorder. The folktales then were documented for analyzing purpose. The result of the study found eleven cultural values hold by the Temiar Indigenous community. The realibility of cultural values hold by the Temiar Indigenous community and the practicing of it in daily life influencing the Temiar Indigenous individually and collectively as community. As conclusion, the folktales of Temiar Indigenous community can be said as manifestation of life, customs and beliefs, and sign of their identity.

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S. A.W. Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya maka tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Salmah Jan Noor Muhammad (selaku pengurus Jawatan Kuasa Penyeliaan) dan Prof. Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop (selaku AJK Penyeliaan tesis) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan, garis panduan dan teguran dalam usaha membantu saya menyempurnakan kajian tesis yang telah diamanahkan. Jutaan terima kasih juga kepada Dr Mohd Zariat Abdul Rani kerana telah membimbing dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan pembetulan tesis. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan budi kalian.

Sejuta terima kasih buat ayah, ibu dan keluarga yang banyak memberi galakan, dorongan, bantuan moral dan kewangan kepada saya bagi menyelesaikan kajian ilmiah ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada En Ibrahim Marijah selaku sumber utama kerana sudi bekerjasama dan menyumbangkan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang menjadi khazanah warisan mereka untuk pendokumentasian, Jabatan Kemajuan dan Kebajikan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, semua pensyarah dan kakitangan sokongan serta rakan seperjuangan telah memberi kata-kata semangat dan memberi pandangan sepanjang saya menjayakan penyelidikan ini. Jasa dan budimu akan ku kenang hingga akhir hayat. Yang baik itu datang dari Allah yang buruk datang dari kelemahan saya. Sekian, Terima Kasih.

Nama: Mohd Fahmi bin Ismail
No Tel: 013-9968659
Email: alangmofis@gmail.com

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 6 Disember 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Fahmi Bin Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Awang Azman bin Awang Pawi, PhD

Profesor Madya
Akademik Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Jun 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Fahmi bin Ismail (GS39277)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Salmah Jan Noor Muhammad

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| PENGESAHAN | iv |
| PERAKUAN | vi |
| SENARAI SINGKATAN | x |
| | |
| BAB | |
| 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 12 |
| 1.4 Objektif Kajian | 13 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.6 Batasan Kajian | 14 |
| 1.7 Definisi Konsep | 15 |
| 1.7.1 Nilai | 15 |
| 1.7.2 Budaya | 17 |
| 1.7.3 Nilai Budaya | 19 |
| 1.7.4 Cerita Rakyat | 21 |
| 1.7.5 Orang Asli | 22 |
| 2 SOROTAN KAJIAN | 25 |
| 2.1 Pengenalan | 25 |
| 2.2 Pengkajian Ilmiah Tentang Masyarakat Orang Asli Temiar | 25 |
| 2.3 Pengkajian Ilmiah Tentang Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli di Malaysia | 28 |
| 3 METODOLOGI KAJIAN | 35 |
| 3.1 Pengenalan | 35 |
| 3.2 Kaedah Kajian | 35 |
| 3.3 Tatacara Kajian | 36 |
| 3.3.1 Pengumpulan Bahan | 36 |
| 3.3.2 Proses Pengumpulan Data | 37 |
| 3.4 Alat Bantuan | 38 |
| 3.5 Proses Pendokumentasian | 38 |
| 3.6 Bahan Kajian | 38 |
| 3.7 Kerangka “Nilai Budaya” | 39 |
| 3.8 Kesimpulan | 46 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 4 | DAPATAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN | 49 |
| 4.1 | Pengenalan | 49 |
| 4.2 | Analisis Nilai-Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar. | 49 |
| 4.2.1 | Nilai Cintakan Keamanan | 49 |
| 4.2.2 | Nilai Kesejahteraan | 56 |
| 4.2.4 | Nilai Menghormati Warga Tua | 63 |
| 4.2.5 | Nilai Bercakap Benar | 68 |
| 4.2.6 | Nilai Muafakat | 72 |
| 4.2.7 | Nilai Bertolak Ansur | 76 |
| 4.2.8 | Nilai Bertanggungjawab Menjaga Keselamatan dan Keamanan Kampung | 78 |
| 4.2.9 | Nilai Prihatin | 83 |
| 4.2.10 | Nilai Kerajinan | 85 |
| 4.2.11 | Keharmonian Sejagat | 87 |
| 4.3 | Kesimpulan | 89 |
| 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 90 |
| 5.1 | Pengenalan | 90 |
| 5.2 | Rumusan | 90 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 100 |
| 5.3.1 | Pihak Kementerian | 101 |
| 5.3.2 | Jabatan Kemajuan dan Kebajikan Hal Ehwal Orang Asli | 101 |
| 5.3.3 | Bidang Kesusastraan Negara | 101 |
| 5.3.4 | Dunia Akademik | 102 |
| 5.3.5 | Masyarakat Orang Asli | 102 |
| 5.4 | Cadangan | 103 |
| 5.4.1 | Inovasi Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar ke Bentuk Baru | 103 |
| 5.4.2 | Mendorong Golongan Muda Meminati dan Menghargai Cerita Rakyat Orang Asli Menerusi Bidang Pendidikan. | 103 |
| 5.4.3 | Peranan dan Tindakan Media Massa | 104 |
| 5.5 | Penutup | 104 |
| | BIBLIOGRAFI | 106 |
| | LAMPIRAN | 112 |
| | BIODATA PELAJAR | 140 |

SENARAI SINGKATAN

JHEOA Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

FELCRA Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah
Persekutuan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa, kaum, agama, adat resam dan keturunan. Kepelbagaiannya dan keunikan khazanah warisan yang dimiliki cukup bernilai dilihat dalam konteks kebudayaan sering diberikan tumpuan oleh penduduk dunia. Masyarakat adalah perkara asas yang perlu ada kepada pembentukan sebuah negara. Masyarakat merupakan satu komuniti yang telah lama wujud sejak zaman-berzaman lagi. Setiap masyarakat saling berhubung antara satu sama lain dan membentuk satu identiti tersendiri dalam melayari arus kehidupan sehari-hari. Setiap masyarakat yang wujud ini mestilah mempunyai satu sistem kehidupan yang tersusun dan bersistematis. Setiap satu kelompok masyarakat pastinya berbeza dari segi kehidupan, corak hidup, warna kulit, keturunan, agama dan kebudayaan yang dimiliki. Salah satu masyarakat yang lama wujud di negara ini ialah masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, menurut Zawawi Ibrahim (1996: 2), masyarakat Orang Asli merupakan salah satu kelompok manusia telah mendiami kawasan hutan, komuniti yang sukar didekati dan enggan menerima sesuatu yang dianggap setaraf dengan kehidupan terdahulu. Sejajar dengan itu, masyarakat Orang Asli boleh membentuk pemikiran yang sangat signifikan tentang sejarah asal-usul keturunan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kewujudan mereka sebagai suatu komuniti manusia. Pendek kata, komuniti yang kian terasing, tersisih dan terpinggir ini dari masyarakat lain yang masih boleh meneruskan kehidupan sehari-hari yang saling bergantung kepada metafora, alam, makna-makna sejarah tersurat dan tersirat yang kekal abadi beriringan dengan lagenda mitos dan cerita-cerita asal-usul purba atau *genealogies* yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Dalam konteks ini, membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli merupakan antara kelompok manusia yang terawal mendiami kawasan hutan dan paling asli wujud di rantau ini.

Rentetan itu, masyarakat Orang Asli merupakan satu komuniti manusia terawal yang mendiami beberapa kawasan hutan di pedalaman dan mengamalkan cara hidup mengikut adat dan warisan nenek moyang mereka sejak dari dahulu lagi. Menurut Ramlee Abdullah (2008: 44-45), masyarakat Orang Asli merujuk kepada satu istilah khas yang diberikan kepada sekelompok masyarakat peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Ekoran daripada itu, masyarakat Orang Asli dilihat menerusi kepelbagaiannya sifat, sama ada dari sudut etnik maupun kediamannya, pentafsiran cara hidup dan corak pemikiran mereka sukar diramalkan dengan tepat. Namun demikian, berdasarkan kepada penelitian terhadap aspek tempat tinggal mereka dapat disimpulkan sebahagian besarnya mendiami di kawasan pedalaman, maka dapat digambarkan bahawa cara hidup mereka yang saling berkaitan dengan ekologi

semula jadi termasuklah kawasan pedalaman seperti hutan rimba, bukit-bukau, gunung-ganang, pinggiran sungai dan tepi tasik.

Hakikatnya, sehingga kini terdapat tiga kumpulan utama masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Tiga kumpulan utama tersebut terdiri dari Orang Asli Negrito, Orang Asli Senoi dan Orang Asli Peribumi. Oleh itu, berdasarkan kepada ketiga-tiga kumpulan ini pula dapat dibahagikan kepada kumpulan suku masing-masing mengikut kategori yang telah ditetapkan. Antaranya, Orang Asli Negrito yang terdiri daripada suku Kensiu, Lanoh, Mendriq, Kintak, Bateq dan Jahai. Selain itu, Orang Asli Senoi yang terdiri daripada suku Semai, Temiar, Mah Meri, Che Wong, Jah Hut dan Semoq Beri. Sementara itu, bagi Orang Asli Peribumi (Melayu Proto) pula terdiri daripada kaum Jakun, Orang Kuala, Kanaq, Temuan, Orang Seletar dan Semelai (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2009).

Sehubungan dengan itu, suku kaum Temiar juga merupakan salah suku masyarakat Orang Asli yang terbesar di negara ini berdasarkan taburan penempatannya. Taburan penempatan suku kaum Orang Asli Temiar terdapat di Kampung Chengkelik dan Kampung Merlung (Rancangan Penempatan Semula, RPS) Kuala Betis, Kelantan. Seterusnya, di Kampung Jarau Baru (Rancangan Penempatan Semula) KemarGerik, Perak dan di Kampung Sungai Cadak, Ulu Kinta , Perak. Rancangan Penempatan SemulaKuala Betis merupakan salah satu penempatan Orang Asli suku yang terbesar di selatan negeri Kelantan. Penempatan ini terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar daerah Gua Musang. Kawasan penempatan masyarakat Orang Asli suku Temiar ini boleh dihubungi melalui jalan darat iaitu dari bandar Gua Musang menuju ke Cameron Highland, Pahang (Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman, 2012: 10). Namun demikian, pengkajian ilmiah terhadap masyarakat Orang Asli Temiar akan dilakukan secara sistematik oleh pengkaji. Pengkajian ilmiah ini berkaitan dengan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dijalankan di Kampung Merlung, penempatan Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan berdasarkan pandangan yang diutarakan oleh tukang cerita masyarakat Orang Asli Temiar iaitu Ibrahim Marijah. Menurut Ibrahim Marijah (2015), masyarakat Orang Asli Temiar sememangnya kaya dengan cerita yang diwarisi oleh nenek-moyang sejak dahulu lagi. Cerita-cerita sedemikian ini pernah menjadi medium hiburan dan pengajaran yang berguna dituju istimewa kepada masyarakat Orang Asli Temiar ini pada satu ketika dahulu. Namun demikian, khazanah warisan yang berharga ini kian dilupakan oleh masyarakatnya pada hari ini. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena kepupusan cerita rakyat ini.

Merujuk kepada aspek dalam kajian ini, nilai budaya merupakan komponen penting yang menjadi kerangka asas dalam proses menginterpretasikan cerita rakyat tersebut ke dalam bentuk teks. Oleh hal yang demikian, nilai budaya ini adalah elemen penting bagi penerapan amalan hidup dalam kelompok masyarakat. Nilai budaya mencerminkan suatu kehidupan sebuah masyarakat.

Menurut Mohd Taib Othman (198: 52), dalam konsep masyarakat Malaysia, cerita rakyat merupakan satu manifestasi kesusastraan rakyat yang ditemui dalam kalangan masyarakat dan dalam erti kata yang lain dikenali sebagai sastera daerah yang menggunakan cara lisan dalam kalangan etnik dan kaum masing-masing yang kaya dengan nilai budayanya. Maka dapat disimpulkan bahawa skop lisan di Malaysia meliputi kampung Melayu, kumpulan Orang Asli di Semenanjung dan juga masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pendapat Mohd Taib Othman (1981: 52), ini telah disokong oleh Juli Edo (2005: 204) menyatakan bahawa budaya masyarakat Melayu dan Orang Asli juga sememangnya kaya dengan nilai budaya yang telah lama diamalkan seperti prinsip kesamarataan, perkongsian mutlak, menghormati janji, mengutamakan kepentingan komuniti toleransi dan beberapa nilai budaya yang lain dijadikan sebagai landasan dan peraturan dan norma kehidupan masyarakat ini.

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, jelas membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar ini juga memperoleh nilai-nilai budaya yang telah terkandung dalam setiap inti pati cerita rakyat disampaikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain. Kenyataan ini, disokong oleh Anidah Alias (2012: 2), nilai budaya tradisi yang diterapkan dalam kehidupan seharian akan mencorakkan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Temiar. Selain itu, nilai-nilai budaya yang terdapat dalam sistem nilai dan adat masyarakat Orang Asli Temiar seperti kejujuran, berpegang pada janji, jujur, muafakat, toleransi, sikap bekerjasama, tolong-menolong, prihatin, hormat-menghormati dan berbudi bahasa. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa Juli Edo (2005) & Anidah Alias (2012) jelas sekali memperkatakan akan nilai-nilai budaya yang selama ini menjadi pegangan hidup masyarakat Orang Asli Temiar dalam membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai satu sistem sosial kompleks dan sistematik.

Dalam konteks ini, penuturan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar disampaikan dari mulut ke mulut ini berupaya untuk berfungsi sebagai kawalan sosial kepada anggota masyarakat bagi mengekalkan keutuhan budaya masyarakat Orang Asli. Justeru, menerusi kajian ini akan memberikan tumpuan terperinci terhadap nilai budaya yang tergambar dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar agar dapat memperlihatkan keistimewaan dan keunikan takungan khazanah warisan yang dimiliki oleh mereka selama ini. Seterusnya, memartabatkan nilai ilmu yang diutarakan ini setaraf dengan tamadun masyarakat lain.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan dan pengumpulan bahan-bahan berkaitan dengan nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar masih lagi kurang dilakukan oleh para penyelidik. Hal ini menimbulkan isu yang baru tentang kajian ilmiah tentang masyarakat terpinggir ini. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertitik-tolak

daripada beberapa pandangan dan pendapat yang membicarakan secara langsung tentang masyarakat Orang Asli Temiar dan cerita-cerita rakyat masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Penelitian kajian terhadap masyarakat Orang Asli Temiar juga telah diteliti oleh beberapa sarjana terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia ini. Antara paling awal yang menumpukan kajian dalam bidang ini ialah Kah Siew Eng (1988), Sabihah Ibrahim (1989), Wan Hashim Wan Teh (1988), Noraini Awang Mat (2001), Nor Anuwar & Zaini Ab Rahman (2012) dan Anida Alias (2012).

Pengamatan terhadap tesis sarjana oleh Kah Siew Eng (seterusnya Siew Eng) bertajuk "Orang Asli dan Masyarakat Umum: Satu Kajian Etnografi Terhadap Komuniti Temiar di Kampung Merlung, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, Kelantan"(1988). Kajian Siew Eng ini membangkitkan permasalahan tentang aspek kebudayaan dan kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar dengan masyarakat luar. Perhubungan etnik Orang Asli Temiar, Kuala Betis dengan masyarakat luar. Selain itu, kajian Siew Eng ini bertujuan untuk menyingkap kembali tentang perhubungan etnik di antara masyarakat Orang Asli Temiar Kampung Merlung dengan masyarakat luar. Sementara itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perhubungan etnik di kalangan Orang Asli Temiar yang terjalin dengan kaum lain di Malaysia. Seterusnya, melihat bagaimanakah perhubungan etnik ini dijalankan sama ada menggambarkan satu hubungan etnik yang terjalin erat atau sebaliknya berlaku ke atas masyarakat Orang Asli Temiar. Kajian Siew Eng ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan ikut serta, temu bual, pemerhatian, soal selidik, temu duga dan pengumpulan data sekunder dari perpustakaan dan JHEOA Kuala Lumpur yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Soalan separa struktur digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang hubungan sosial, ekonomi, politik dan sejarah perhubungan. Kajian ini Siew Eng menjadikan penduduk Kampung Merlung melibatkan 50 orang responden yang terdiri dari Ketua Kampung Merlung, guru-guru sekolah, kakitangan FELCRA Panggong Lalat, petani, pemungut hasil hutan, penoreh getah dan remaja kampung. Hasil kajian Siew Eng mendapati integrasi penduduk Kampung Merlung kurang memuaskan. Hal ini disebabkan oleh kegagalan projek-projek pertanian terutamanya projek tanaman pisang oleh yang dicadangkan oleh pihak JHEOA (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli). Selain itu, kegagalan program integrasi di sekolah melalui program pengajaran di sekolah dan kegagalan projek rancangan kesihatan oleh kaki tangan Hospital daerah Gua Musang, Kelantan. Selain itu, kegagalan program pengislaman masyarakat Orang Asli di Kampung Merlung oleh Jabatan Agama Islam Malaysia. Faktor kedudukan geografi yang sukar ke lokasi juga adalah faktor kegagalan berlakunya hubungan etnik masyarakat ini dengan masyarakat luar. Kegagalan projek yang dirancang dan kesukaran perhubungan ini, memperlihatkan kegagalan pihak JHEOA dalam menghapuskan imej Orang Asli serta sikap orang Asli sendiri merasa rendah diri menyebabkan berlakunya kegagalan hubungan etnik dengan masyarakat

luar, sebagaimana yang disimpulkan oleh Siew Eng dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Gabungan dan kerjasama dari pelbagai pihak dan agensi diharap sedikit sebanyak dapat menghapuskan ‘rintihan’ dan memberi keadilan kepada orang-orang Asli seperti kaum lain di Malaysia (Siew Eng, 1988: 101).

Pengamatan diteruskan terhadap tesis sarjana oleh Sabihah Ibrahim (seterusnya Sabihah) bertajuk “Hubungan Etnik di Kalangan Orang Asli Satu Kajian Etnografi Terhadap Orang Temiar di Kampung Chengkelik Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis, Kelantan” (1989). Kajian Sabihah ini membangkitkan permasalahan tentang corak kehidupan masyarakat yang mendiami di kawasan pedalaman, terpencil dan terasing daripada masyarakat lain. Cara kehidupan yang sedemikian menyebabkan mereka kurang mendapat pendedahan dan perhatian oleh pihak berwajib. Hal ini dianggap membawa kepada kemunduran masyarakat tersebut. Kajian Sabihah ini bertujuan untuk meninjau bagaimana masyarakat di Kampung Chengkelik menjalankan hubungan dengan masyarakat luar. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk merumus tentang hubungan masyarakat Kampung Chengkelik. Kajian Sabihah ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian, ikut serta, soal selidik dan temu duga yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Soalan separa struktur diguna pakai bagi mendapatkan maklumat tentang hubungan sosial, ekonomi, politik, kesihatan, pendidikan dan isu alam sekitar. Kajian ini menjadikan penduduk Kampung Chengkelik melibatkan 100 orang responden yang terdiri dari Ketua Kampung Chengkelik, petani, pemungut hasil hutan, penoreh getah dan golongan remaja kampung. Hasil kajian Sabihah mendapati kurangnya keberkesanan interaksi dalam kalangan penduduk Kampung Chengkelik dengan masyarakat luar. Hal ini disebabkan adanya berfikiran terbuka terhadap perubahan, kemajuan dan pembangunan yang telah diwujudkan oleh kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Pejabat Tanah Daerah Gua Musang. Masyarakat ini didapati masih terikat dengan budaya kuno yang diamalkan oleh golongan tua mereka, sebagaimana yang disimpulkan oleh Sabihah dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Maka sewajarnyalah Orang Asli berbangga dengan etnik mereka sendiri tetapi dengan membuktikan kepada masyarakat kebangsaan bahawa mereka bukanlah lagi bangsa yang kuno dan terasing telah setaraf dengan masyarakat luar walaupun tidak sepenuhnya dan adalah sebahagian kepada rakyat negara ini (Sabihah, 1989: 97).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian ilmiah oleh Wan Hashim Wan Teh (seterusnya Wan Hashim) yang bertajuk "Kesinambungan Budaya Melayu-Orang Asli" (1989). Kajian Wan Hashim ini membangkitkan permasalahan tentang kesinambungan budaya antara masyarakat Melayu dengan Orang Asli. Selain itu, memperlihatkan saling adanya persamaan aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, keadaan fizikal perkampungan, bahasa pertuturan dan budaya menyebabkan berlaku kesinambungan budaya kedua-dua masyarakat ini. Kajian Wan Hashim ini bertujuan untuk menganalisis kesinambungan budaya kedua-dua masyarakat. Hal ini, dapat dilihat menerusi bahasa, kepimpinan dan politik dan ekonomi kedua-dua masyarakat. Kajian Wan Hashim ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk Pos Kemar dan Kampung Sungai Kiul sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal dan pemerhatian yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Kajian ini menjadikan penduduk masyarakat Temiar di Pos Kemar, Hulu Perak dan masyarakat Jah Het di Kampung Sungai Kiul, Jerantut (Pahang) sebagai responden. Hasil kajian Wan Hashim mendapat bahasa Malaysia dijadikan bahasa kedua selepas bahasa ibunda. Bahasa ini digunakan oleh kedua-dua pihak ketika bertutur dan berkomunikasi di antara mereka. Manakala dalam kepimpinan pula dipimpin oleh ketua pemimpin masyarakat masing-masing. Bagi masyarakat Orang Asli dipimpin oleh Tok Batin dan masyarakat Melayu pula dipimpin oleh Penghulu Kampung. Kegiatan ekonomi pula, terdapat persamaan dengan masyarakat Melayu. Menerusi kegiatan ekonomi seperti menoreh getah, menanam padi huma, menternak ayam, menangkap ikan dan sebagainya. Terdapat juga mereka bekerja secara mengambil upah. Kesimpulannya, wujud persamaan antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Orang Asli Temiar dalam pelbagai aspek kehidupan. Persamaan yang wujud ini dalam seluru aspek kehidupan ada persamaan budaya antara kedua-dua komuniti masyarakat sebagaimana yang disimpulkan oleh Wan Hashim dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Berdasarkan kepada persamaan cara hidup yang meliputi bahasa, kegiatan ekonomi dan politik dan kepimpinan antara masyarakat petani Melayu dengan masyarakat orang Asli Temiar sememangnya wujud kesinambungan budaya (Wan Hashim, 1988: 43).

Berdasarkan kepada kajian Kah Siew Eng (1988), Sabihah Ibrahim (1989) dan Wan Hashim Wan Teh (1988) lebih berfokus kepada perhubungan ethnografi dan latar sosial masyarakat. Kajian Kah Siew Eng (1988) ini membicarakan perhubungan etnik antara masyarakat Orang Temiar di Kampung Merlung dengan masyarakat luar. Manakala, kajian Sabihah Ibrahim (1989) memperlihatkan interaksi sosial yang berlaku di Kampung Chengkelik dengan masyarakat luar yang datang ke kampung tersebut. Seterusnya, kajian Wan Hashim Wan Teh (1988) mengemukakan dapatan bahawa wujud kesinambungan budaya antara masyarakat Orang Asli Temiar dengan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan. Perbincangan lanjut tentang kajian ilmiah masyarakat Orang Asli Temiar akan diteruskan dalam bab

2 nanti. Pada tahap ini, penting untuk difahami bahawa kajian-kajian ilmiah tentang Orang Asli Temiar di Malaysia telah sedia dilakukan.

Seterusnya, kajian ini turut mengenal pasti beberapa kajian ilmiah tentang cerita-cerita rakyat Orang Asli di Malaysia. Antara paling awal yang menumpukan kajian ini ialah Lim Boot Liat (1984), Juli Edo (1990), Mat Jidin Ahmad (1994), Sal Farina Kamaludin (2003), Abdul Talib Bon (2003), Shaiful Baru Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004), Hood Salleh (2004), Shaiful Bahri Md Radzi dan rakan-rakan (2004), Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004), Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2008), Norazam Ibun (2009) dan Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria (2013).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian oleh Lim Boo Liat (seterusnya Boo Liat) bertajuk "Kisah-kisah Haiwan Orang Asli" (1984). Kajian Boo Liat ini membangkitkan permasalahan saling berkaitan haiwan dalam cerita binatang masyarakat Orang Asli dengan kehidupan manusia. Corak hidup dan kelakuan haiwan yang terdapat dalam cerita rakyat ini digambarkan mempunyai persamaan dengan kelakuan yang manusia. Kajian Boo Liat ini bertujuan untuk melihat saling kaitan haiwan yang ditampilkan dalam cerita binatang kepada kehidupan masyarakat Orang Asli. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan mengutarakan kupasan tentang beberapa cerita-cerita binatang ini untuk dijadikan teladan kepada generasi baru masyarakat ini. Kajian Boot Liat ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian, ikut serta dan soal selidik yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Bantuan alat rakaman digunakan oleh pengkaji untuk merakamkan cerita rakyat sebelum didokumentasikan. Kajian ini menjadikan beberapa cerita-cerita binatang yang disampaikan oleh Sipang anak Ecoin, yang merupakan seorang tukang cerita di sebuah perkampungan Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Lagong, Kepong, Selangor. Antara cerita-cerita binatang yang dijadikan bahan kajian seperti *Cencerut Rumah*, *Tikus Bulan*, *Tikus Babi*, *Kubang*, *Keluang*, *Siamang*, *Kongkang*, *Tenggiling*, *Dekan*, *Landak Raya*, *Musang Pandan*, *Beruang*, *Tapir*, *Beruk*, *Lotong*, *Musang*, *Careng*, *Memerang Kuku Kecil*, *Bubun Ekor Pendek*, *Kerawak Hitam*, *Tupai Terbang Dada Putih*, *Gajah*, *Harimau Belang*, *Harimau Bintang*, *Kancil* dan *Kucing Batu*. Hasil kajian Boo Liat mendapati terdapat beberapa cerita rakyat Orang Asli yang lebih dekat dengan hubungan mereka dengan alam yang terdiri daripada haiwan dan tumbuhan. Watak-watak binatang dalam cerita yang peroleh ini telah memberikan satu gambaran jelas saling berkaitan masyarakat Orang Asli dengan haiwan dari bentuk kelakuan dan cara hidup. Kisah haiwan ini dijadikan pedoman dan teladan kepada generasi baharu. Berdasarkan cerita-cerita binatang yang dikumpulkan ini terdapat persamaan, kisah hidup, kelakuan dan pemakanan masyarakat Orang Asli dengan haiwan tersebut sebagaimana yang disimpulkan oleh Boo Liat dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Orang Asli merupakan orang-orang mempunyai idea dan perasaan yang tidak berjejak di bumi yang nyata. Mereka hidup berpandukan hukum dan arif tentang haiwan dan tumbuhan. Oleh itu, tidak hairan kalau mereka ini dikenali sebagai budiman hutan (Boo Liat, 1984: 120).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian oleh Juli Edo (seterusnya Juli) bertajuk “Tradisi Lisan Masyarakat Semai” (1990). Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang saling hubungan antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menerusi cerita rakyat yang mereka miliki. Hubungan ini terbina antara kedua-dua masyarakat telah lama terjalin sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kajian Juli ini bertujuan untuk mengkaji tentang beberapa hubungan yang telah diwujudkan oleh kedua-dua masyarakat sejak sekian dahulu lagi. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk melihat bentuk-bentuk hubungan yang dijalankan antara kedua-dua masyarakat ini. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan cerita rakyat yang telah dikumpulkan sebagai khazanah yang bernilai. Kajian Juli ini menggunakan tatacara ethnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian dan soal selidik, yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Kajian ini menjadikan beberapa buah cerita rakyat suku Semai sebagai batasan kajianya. Antara cerita lisan yang dikumpulkan dan ditranskripsikan terdiri daripada “Cerita Asal Usul Manusia”, “Cerita Asal Usul Penduduk Malaysia”, “Cerita Asal Usul Kejadian Bumi”, “Cerita Legenda Bah Ladi”, “Prosa Perpecahan Orang Asli dengan Melayu- Semelai”, “Cerita Pak Pandir” dan “Cerita Jenaka Semai”. Hasil kajian Juli mendapat saling hubungan antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Hubungan yang dibicarakan ini mendasari aspek kepercayaan dan sejarah dengan merujuk kepada beberapa cerita rakyat Semai. Terdapat saling hubungan di antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Orang Asli suku Semai dalam cerita rakyat. Hal ini dapat dilihat menerusi tema, persoalan dan latar yang digunakan dalam cerita rakyat tersebut, sebagaimana yang disimpulkan oleh Juli dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Memperlihatkan di sini bahawa menerusi pengamatan wujudnya saling hubungan antara masyarakat Melayu dengan masyarakat orang Asli semai. Jika ditelusi dari kandungan cerita rakyat wujud hubungan dan pertalian menerusi tema, persoalan dan latar yang dikemukakan (Juli, 1990: 67).

Pengamatan diteruskan terhadap tesis sarjana oleh Sal Farina Kamaludin (seterusnya Sal Farina) bertajuk “Tradisi Lisan Berbentuk Cerita Suku Kaum Jahut di Kg Penderas, Temerloh, Pahang” (2003). Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang aspek penting yang ada dalam cerita-cerita lisan masyarakat suku kaum Jahut di Kampung Penderas, Temerloh Pahang ini. Aspek penting tentang isi terkandung dalam sesebuah cerita rakyat suku Jahut

ini. Kajian ini bertujuan untuk pendokumentasian cerita lisan suku kaum Jahut di Kampung Penderas, Temerloh Pahang ke dalam teks. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk merumuskan elemen seperti tema, nilai murni, pengajaran dan pengetahuan tentang geografi, sejarah dan kegiatan sosial yang ada dalam cerita rakyat masyarakat ini. Kajian Sal Farina ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian, ikut serta, soal selidik dan temu duga yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Soalan separa struktur diguna pakai bagi mendapatkan maklumat tentang geografi, sejarah dan kegiatan sosial. Kajian ini menjadikan 16 cerita yang dikumpulkan menerusi rakaman dua tukang cerita iaitu Tok Baek Dak dan Rosi, sebagai bahan kajian. Hasil kajian Sal Farina mendapat penekanan terhadap tema, nilai murni, pengajaran dan pengetahuan tentang geografi, sejarah dan kegiatan sosial yang terdapat di dalam cerita-cerita Suku Kaum Jahut di Kg Penderas, Temerloh, Pahang. Kajian ini memperlihatkan bahawa elemen yang baik diselitkan secara tersurat menerusi cerita lisan, sebagaimana yang disimpulkan oleh Sal Farina dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Secara jelasnya, dalam cerita ini terdapat aspek nilai murni, pengajaran dan pengetahuan tentang geografi, sejarah dan kegiatan sosial yang diselitkan dalam cerita suku Jahut ini. Aspek ini dijadikan pedoman kepada generasi akan datang (Sal Farina, 2003: 85).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian oleh Mat Jidin Ahmad (seterusnya Mat Jidin) bertajuk "Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli" (1994). Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang kehadiran sifat kebersamaan dan perbezaan dalam struktur sebuah cerita dalam sastera rakyat antara kedua-dua masyarakat Asli Temiar dengan masyarakat Melayu sekitar perkampungan Orang Asli. Unsur yang sedemikian ini, sama ada berdiri sendiri atau dipinjam dari pengaruh lain. Kajian Mat Jidin ini bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan yang terdapat berdasarkan unsur struktur cerita antara cerita rakyat suku kaum Temiar dengan cerita rakyat Melayu. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk ada persamaan di antara kedua-dua dalam penggolongan cerita kedua-dua masyarakat ini. Kajian Mat Jidin ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian, ikut serta, soal selidik dan temu duga yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Alat rakaman digunakan ketika berada di tempat kajian bagi merakam cerita rakyat ini. Kajian ini menjadikan beberapa penduduk Kampung Jalong Tinggi, Sungai Siput, Perak sebagai responden kajian ini. Pengkaji berjaya mendokumentasikan lima buah cerita rakyat masyarakat Orang Asli suku Temiar di Kampung Jalong Tinggi, Sungai Siput, Perak. Antara cerita-cerita rakyat tersebut ialah "Kerana Somok", "Puteri Buluh Betung", "Asal-usul Manusia", "Pantang" dan "Kempunan" sebagai sandaran bahan kajiannya. Hasil kajian Mat Jidin mendapat, terdapat persamaan tersebut dilihat menerusi struktur cerita di

antara masyarakat Orang Asli suku Temiar dengan masyarakat Melayu. Antara struktur yang diteliti dalam cerita rakyat terdiri daripada tema, watak, plot dan latar cerita, sebagaimana yang disimpulkan oleh Mat Jidin dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Secara keseluruhannya, menerusi penelitian terhadap lima cerita rakyat suku Temiar memperlihatkan terdapat persamaan struktur cerita di antara kedua-dua masyarakat ini. Aspek yang diberikan keutamaan seperti tema, watak, plot dan latar cerita dapat dilihat ada persamaan terdapat dalam cerita rakyat masyarakat peribumi ini (Mat Jidin, 1994: 120).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian oleh Abdul Talib Bon (seterusnya Abdul Talib) bertajuk "Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia" (2003). Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang cerita-cerita rakyat masyarakat Orang Asli Senoi yang memaparkan pelbagai versi penyampaian oleh tukang cerita golongan masyarakat ini. Kaedah penyampaian ini yang berbagai-bagai melahirkan kekeliruan dan melahirkan pelbagai tanggapan berbeza mengenai kandungan sebenar dalam cerita rakyat ini. Kajian Abdul Talib ini bertujuan untuk mengenal pasti kewujudan khazanah sebenar cerita rakyat yang diceritakan. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk pendokumentasian takungan warisan cerita rakyat ini untuk tatapan generasi yang akan datang. Kajian Abdul Talib ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, soal selidik dan temu duga yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Kajian ini menjadikan kawasan Tanah Rata, Cameron Highlands sehingga Kampung Lanai di Kuala Lipis Pahang. Terdapat tiga buah cerita rakyat suku Senoi berjaya dikumpulkan seperti "Cerita Yek", "Cerita Pisang Berdarah" dan "Cerita Rong Menjadi Belalang". Hasil kajian Abdul Talib mendapat wujud pelbagai versi dalam penyampaian cerita rakyat dan ia masih bergantung pada idea dan pemahaman tukang cerita. Namun, isi kandungan cerita-cerita ini masih lagi sama walaupun terdapat perbezaan dengan cerita-cerita yang sebelum ini. Hal ini, disebabkan fahaman dan susunan jalan cerita. Selain itu, lebih memberikan penelitian terhadap amalan hidup, budaya dan kepercayaan, masyarakat Orang Asli kaum Senoi di sepanjang Banjaran Titiwangsa ini, sebagaimana yang disimpulkan oleh Abdul Talib dalam petikan yang diturunkan di bawah ini:

Kepelbagaiannya pelbagai versi dalam penceritaan cerita rakyat sememangnya berlaku. Hal ini disebabkan oleh pemahaman dan oleh idea oleh tukang cerita masyarakat orang Asli Senoi. Namun demikian, walaupun terdapat pelbagai tetapi elemen penting isi cerita dalam setiap cerita masih lagi dikekalkan. Selain cerita rakyat penekanan terhadap amalan budaya, kepercayaan dijadikan topik utama dalam pengkajian ini (Abdul Talib, 2003: 110).

Pengamatan diteruskan terhadap kajian oleh Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (seterusnya Shaiful Bahri) bertajuk "Tradisi Orang Asli dalam Dunia yang Berubah" (2004). Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang tradisi lisan yang seharusnya diberikan perhatian oleh pihak tertentu. Hal ini kerana menerusi penyampaian lisan dapat memenuhi tuntutan masyarakat berasaskan ilmu sejarah untuk dijadikan pengajaran kepada generasi baru. Faktor sejarah mempengaruhi tradisi lisan masyarakat Orang Kuala. Kajian Shaiful Bahri ini bertujuan untuk menganalisis nilai-nilai tradisi yang diamalkan dalam kehidupan Orang Kuala sejarah dengan faktor sejarah kedatangan mereka ini. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk merumus pengaruh mitos dan lagenda menyebabkan penghayatan terhadap sejarah berkurangan dalam masyarakat ini. Kajian Shaiful Bahri ini menggunakan tatacara etnografi yang menggunakan kaedah mengumpul data dan maklumat penduduk kampung sebagai metodologi kajian. Tatacara ini melibatkan tinjauan awal, pemerhatian, ikut serta, soal selidik dan temu duga yang dilakukan untuk mengumpul data untuk dianalisis. Soalan separa struktur diguna pakai bagi mendapatkan maklumat tentang hubungan isu sejarah dan cerita lisan. Kajian ini menjadikan penduduk Kampung masyarakat Orang Kuala sebagai responden yang terdiri dari Pak Utih, Pak Johan dan Paiman. Bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah beberapa cerita rakyat Orang Kuala seperti "Kisah Ikan Puyu", "Perang Aceh Belanda", "Si Tanggang" dan "Bawang Merah dan Bawang Putih". Hasil kajian Shaiful Bahri mendapat nilai-nilai tradisi diterapkan dalam kehidupan masyarakat Orang Kuala menerusi garapan sastera lisan tetapi tidak sepenuhnya. Hal ini menyebabkan tradisi lisan gagal diperturunkan oleh ibu bapa dan generasi terdahulu kepada generasi baru. Penghayatan dan penelitian terhadap konsep sejarah sememangnya tidak diberikan perhatian oleh Orang Kuala kerana masyarakat ini lebih cenderung terhadap pengaruh mitos dan lagenda. Penghayatan terhadap konsep sejarah dan tradisi lisan wajar diketengahkan menerusi institusi pendidikan tetapi perlukan pendekatan yang lain, sebagaimana yang disimpulkan oleh Shaiful Bahri dalam petikan yang diturunkan di bawah ini

Tanpa tradisi lisan terkawal sesuatu kisah mungkin akan berlalu tanpa meninggalkan nilai estetika kepada generasi berikutnya. Pendidikan formal tidak memadai mengangkat nilai kesedaran tentang pentingnya sejarah. Di samping itu, konsep sejarah juga wajar diketengahkan melalui tradisi lisan namun ia tidak terbatas kepada Orang Kuala tetapi masyarakat di seluruh Malaysia (Shaiful Bahri, 2004: 34).

Berdasarkan kepada kajian Lim Boot Liat (1984), Juli Edo (1990), Mat Jidin Ahmad (1994), Sal Farina Kamaludin (2003), Abdul Talib Bon (2003), Shaiful Baru Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004) dapat dirumuskan kepada beberapa aspek. Aspek yang diteliti oleh sarjana ini usaha pendokumentasian cerita dilakukan Lim Boot Liat (1984), Juli Edo (1990), Mat Jidin Ahmad (1994), Sal Farina Kamaludin (2003) dan Abdul Talib Bon (2003). Aspek kedua yang diteliti ialah kesinambungan budaya menerusi kajian Mat

Jidin Ahmad (1994) dan Shaiful Baru Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004). Perbincangan lanjut tentang kajian ilmiah berkaitan cerita-cerita rakyat Orang Asli akan diteruskan di bab 2.

Sorotan kajian di atas mendapat masih terdapat lompong kosong terhadap nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Secara keseluruhan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih menumpukan kepada etnografi dan menjurus kepada fungsi cerita rakyat namun tiada pengkaji yang mendalamai kajian nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Memandangkan terdapatnya lompong kosong dalam bidang kajian ini cuba mengisi ruang ini dengan memaparkan nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang Asli Temiar. Hal ini kerana nilai budaya merupakan salah satu elemen penting yang ada dalam kehidupan seorang individu bagi membentuk jati dan sahsiah ke arah kemajuan dan ketinggian tamadun sesebuah masyarakat.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengamatan awal terhadap kajian-kajian sedia di atas dengan jelas memperlihatkan bahawa sehingga kini dan sepanjang yang ketahui, telah ada sejumlah kajian-kajian ilmiah yang dilakukan terhadap Orang Asli di Malaysia. Pengamatan awal turut menjelaskan bahawa kajian-kajian ilmiah telah sedia dijalankan terhadap masyarakat Orang Asli Temiar yang meliputi aspek seperti perhubungan etnik, interaksi sosial, kesinambungan budaya, sosial-ekonomi, kajian kraf dan nilai kehidupan tradisi sebagaimana yang dikaji oleh Kah Siew Eng (1988), Sabihah Ibrahim (1989), Wan Hashim Wan Teh (1988), Noraini Awang Mat (2001), Nor Anuwar & Zaini Ab Rahman (2012) dan Anida Alias (2012).

Sehubungan dengan itu, adalah jelas daripada kajian-kajian ilmiah sedia ada bahawa kajian khusus tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar masih belum mendapat perhatian yang meluas. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui hanya kajian Mat Jidin Ahmad (1994) yang meneliti tentang sastera rakyat masyarakat suku kaum Temiar di Kampung Jalong Tinggi, Sungai Siput, Perak. Merujuk kepada kajian tentang cerita rakyat Orang Asli suku kaum selain Temiar, pengamatan awal turut mendapat bahawa telah ada sejumlah kajian ilmiah yang dilakukan terhadap suku kaum seperti Semai, Jahut, Semelai, Temiar, Orang Hulu, Senoi, Orang Kuala, Jakun dan Temuan. Kajian-kajian ini dilakukan oleh Lim Boot Liat (1984), Juli Edo (1990), Mat Jidin Ahmad (1994), Sal Farina Kamaludin (2003), Abdul Talib Bon (2003), Shaiful Baru Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004), Hood Salleh (2004), Shaiful Bahri Md Radzi dan rakan-rakan (2004), Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah & Salehah Ishak (2004), Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2008), Norazam Ibun (2009) dan Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria (2013).

Berdasarkan kepada pengamatan pendapat di atas, dapat dikatakan bahawa kajian bersifat ilmiah tentang cerita rakyat yang wujud dalam masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum lagi dikaji secara sistematik. Hal ini dengan sendirinya mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada satu pengkajian ilmiah yang khusus. Kajian ini berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian utama yang akan difokuskan ialah:

1. Mendokumentasikan cerita-cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan.
2. Menganalisis nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan yang dikaji dan;
3. Merumus nilai-nilai budaya dalam cerita-cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan mempunyai banyak faedah dan kebaikan kepada semua pihak. Hasil kajian yang dijalankan ini bermanfaat kepada negara, masyarakat, pensyarah dan guru serta pensyarah. Kajian ini membuktikan bahawa setiap daptan, kerja dokumentasi dan hasil maklumat yang baru akan menyumbangkan kepada dana maklumat dan nilai tambah ilmu. Bertepatan dengan itu, cerita rakyat masyarakat Orang Asli merupakan khazanah yang sangat bernilai kepada negara dalam memastikan khazanah warisan dan budaya masyarakat ini dapat dikekalkan serta dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang.

Sementara itu, kajian ini juga memberikan faedah dan manfaat kepada masyarakat sekeliling. Setiap hasil kajian yang dijalankan, dilaksanakan dan diharapkan mampu memberikan sinar pendedahan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini kerana, melalui penemuan dan penerokaan setiap nilai budaya dalam cerita rakyat ini tercetus melalui gambaran keseluruhan kehidupan masyarakat itu sendiri. Justeru, melalui kajian ini, masyarakat meletakkan dan merasakan diri lebih dekat dengan *worldview* kehidupan mereka yang sebenarnya. Jelaslah di sini, setiap garapan nilai budaya yang diperoleh melalui pembacaan dan penelitian terhadap cerita rakyat Orang Asli ini secara tidak langsung mampu membentuk masyarakat yang bertamadun.

Selain itu, kajian ini juga memberi faedah kepada guru mahupun seorang pensyarah yang melibatkan diri dalam bidang sastera, sains sosial dan kemanusiaan secara langsung ataupun tidak langsung. Mereka ini lebih mudah dan cepat memperoleh segala maklumat yang diperlukan untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, ia sesuai dijadikan sebagai nilai tambah ilmu kepada mereka yang mahu melakukan sesuatu kajian yang berkaitan dengan dunia sastera ini pada masa kini mahupun pada masa akan datang.

Kajian ini berfaedah kepada pengkaji bidang kesusasteraan, antropologi dan kebudayaan. Hal ini kerana, berpandukan kepada kajian-kajian yang lepas, setiap ilmu yang dikemukakan menjadi titik tolak kepada individu selaku pengkaji memberikan pendedahan awal kepada pengkaji untuk membuktikan keberkesanan setiap hasil kejayaan pengkaji-pengkaji terdahulu yang melakukan penyelidikan. Dalam konteks ini, dengan adanya kajian ini, maka pengkaji dapat membantu pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk turut bersama-sama memantapkan setiap hasil kajian tersebut. Oleh itu, kajian ini membuktikan sastera rakyat ini wajar diterokai kerana bidang merupakan khazanah dan warisan negara yang tiada nilai bandingannya dan seterusnya dapat memartabatkan bidang sastera negara ke seluruh dunia.

1.6 Batasan Kajian

Antara cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang akan dibincangkan dalam kajian ini:

- a) "Buah Mangkung dengan Seekor Anjing"
- b) "Burung Kuang dengan Harimau"
- c) "Bertindak Tanpa Akal"
- d) "Sepakat Menyelamatkan Diri"
- e) "Sang Kura-kura yang Bijaksana"
- f) "Cucu yang Bijaksana"
- g) "Pengail yang Pintar"
- h) "Tangkal Hikmah"
- i) "Manusia Jelmaan Anjing"
- j) "Dendam Terbalas"
- k) "Asal Usul Kuala Betis"

Cerita ini dikumpulkan dengan menemu ramah wakil Ketua Kampung Merlung, di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan iaitu Ibrahim Marijah. Cerita tersebut terdiri daripada cerita binatang, cerita jenaka, cerita asal-usul, cerita lagenda dan mitos. Selain itu, kajian ini juga membataskan kepada nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat

masyarakat Orang Asli Temiar menjadi amalan hidup masyarakat Orang Asli Temiar ini.

1.7 Definisi Konsep

Sesebuah kajian yang bernali dan berkualiti aspek pemilihan dan penetapan setiap frasa-frasa tertentu diberikan definisi. Hal ini penting bagi melihat kesinambungan hala tuju perbincangan yang akan dikemukakan. Justeru itu, berpandukan tajuk kajian ini beberapa istilah atau frasa penting yang digunakan bagi membantu untuk melancarkan pemahaman. Hal penting memberikan suatu gambaran yang tepat tentang apa yang dibincangkan dalam kajian ini. Antara istilah dan frasa yang digunakan dalam kajian ini telah diberikan pedefinisian dengan teliti ialah nilai, budaya, nilai budaya, cerita rakyat dan Orang Asli.

1.7.1 “Nilai”

Menurut Norazit Selat (1989: 85), “nilai” sebagai kelakuan atau perbuatan yang diamalkan oleh sekumpulan masyarakat, nilai diukur berdasarkan kepada kelakuan baik dan buruk terhadap sesuatu tindakan yang dibuat. Namun begitu, “nilai” tersebut digunakan untuk mempertimbangkan dan merasionalkan sesuatu perbuatan manusia, sama ada betul atau salah, baik atau buruk, wajar atau tidak, perlu atau tidak dilakukan dalam seluruh aspek.

Menurut Siti Razmah Idris & Fatimah Azzahra (1996: 2), “nilai” merupakan satu lintasan fikiran ataupun tahap penilaian tentang kepentingan, kebaikan, ukuran dan kegunaan tentang sesuatu benda, perkara dan kejadian yang berlaku di seluruh alam. Dalam konteks ini, manusia meletakkan “nilai” yang baik akan mendatangkan faedah dan manfaat dan jika sebaliknya akan menerima kesan yang tidak baik kepada manusia.

Seterusnya, Hashim Awang (1989: 85), menyatakan “nilai” merupakan satu konsep kayu pengukur baik atau buruk, keinginan atau tidak diingini yang ditetapkan secara kolektif oleh anggota masyarakat dalam satu kelompok manusia.

Menurut Othman Puteh (1996: 25), “nilai” merupakan unsur yang ada dalam didikan moral dan dapat memberikan panduan tentang bagaimana seorang yang berfikiran rasional untuk bertindak dalam khalayak masyarakat jika berlaku sesuatu masalah. Dengan erti kata yang lain, “nilai” adalah tatacara rujukan digunakan bagi mengawal dan mengatur tingkah laku setiap anggota masyarakat.

Seterusnya, Mohd Taib Othman (1988: 130), “nilai” merujuk kepada susunan ukuran ialah apa yang dianggap dikehendaki atau diingini dan perkara yang dianggap tidak dikendaki atau tidak diingini dalam menentukan suatu perkara. Namun demikian, sistem nilai dan *world-view* saling berkaitan dengan pola-pola perlakuan manusia dalam masyarakat.

Sementara itu, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011: 8), “nilai” boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong pemikiran, tingkah laku dan amalan kerja seorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan norma utama masyarakat. “Nilai” merangkumi kepercayaan dan tingkah laku yang membentuk keperibadian. Selain itu, ia juga merupakan suatu konsep yang abstrak yang digunakan untuk mengukur sesuatu kebaikan atau keburukan, merangkumi aspek perilaku, keinginan, pilihan dan keutamaan, sejarah, ilmu, kebijaksanaan, keadilan, rasional, integriti dan akal budi seseorang. “Nilai” yang diamalkan akan bermanfaat dan berguna untuk membentuk tingkah laku manusia.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015: 7) “nilai” merupakan idea-idea yang dikongsi bersama oleh manusia dalam sesuatu masyarakat. Idea-idea ini merangkumi sesuatu yang berguna dan penting dalam kehidupan seharian. “Nilai” juga merupakan prinsip umum yang melibatkan anggota masyarakat dengan satu ukuran untuk membuat pengadilan dan pemilihan tindakan serta matlamat tertentu.

Seterusnya, Juli Edo (2005: 223), “nilai” ditafsirkan sebagai sesuatu yang mempunyai faedah dan kepentingan yang boleh dikongsi bersama oleh sesuatu kelompok manusia. Nilai ialah sesuatu yang disukai dan diutamakan atau suatu idealisme yang berkait rapat dengan hubungan sosial antara ahli dalam sesebuah masyarakat. Justeru nilai ini seharusnya melibatkan pemilihan yang perlu dibuat mengikut alternatif yang ada. Oleh demikian, nilai merupakan satu fenomena sosial yang abstrak, nilai hanya boleh dikaji serta dirumuskan melalui pemerhatian terhadap perlakuan dan percakapan manusia.

Berdasarkan kepada pemahaman konsep dan definisi tersebut, “nilai” dapat disimpulkan sebagai unsur yang wujud bermula dari sejak kelahiran seorang. Pengalaman, idea, didikan, asuhan dan persekitaran yang dilalui oleh setiap individu melahirkan nilai untuk dijadikan panduan penting dalam kehidupan manusia. Selain itu, “nilai” juga satu prinsip utama dalam penentuan tindakan, tahap kehidupan dan corak hidup manusia iaitu nilai yang baik datang dari pemikiran baik dan sempurna yang menentukan ketinggian tamadun manusia dalam kelompok sesebuah masyarakat. Sementara itu, jika “nilai” juga terhasil daripada yang sebaliknya untuk nilai ini dijadikan iktibar dan panduan kepada anggota dalam masyarakat untuk menempuh kehidupan sehari-hari, makna “nilai” kajian merujuk kepada nilai yang telah disepakati oleh anggota masyarakat.

1.7.2 “Budaya”

Istilah “budaya” berasal daripada rangkai kata *Sansekerta buddhayah* yang terbentuk melalui dari kata *buddhi* yang bermaksud budi atau akal. Manakala, *culture* berasal dari kata Latin yang membawa maksud sebagai mengolah atau mengerjakan (Soerjano Seokanto, 1977: 71).

Menurut Binford (1968: 323), “budaya” merupakan satu himpunan peraturan yang dikongsi dan dimiliki bersama-sama oleh individu sesebuah masyarakat. Peraturan tersebut diikuti oleh anggota dalam masyarakat. Apa yang menjadi ikutan ini akan menghasilkan suatu bentuk perlakuan yang termasuklah dalam tindakan akan dianggap sesuai, betul dan diterima dengan baik oleh masyarakat.

Manakala, pandangan yang berbeza dikemukakan oleh Koentjaraningrat (1973: 15), “budaya” wujud dalam tiga aspek utama. Tiga aspek tersebut ialah “budaya” wujud sebagai satu garapan kompleks terhasil daripada idea, norma, peraturan, tindakan dan sebagainya. Kedua sebagai kompleks melibatkan aktiviti kelakuan berpola dari struktur organisasi berpola dan ketiga wujud dalam benda-benda hasil karya manusia.

Seterusnya, A. Aziz Deraman (1994: 2) menyatakan “budaya” itu merangkumi keseluruhan apa yang difikirkan, dibuat dan dimiliki dalam kehidupan yang merangkumi semua aspek kehidupan sama ada melalui kesenian, kepercayaan, pengetahuan, undang- undang, adat istiadat moral dan apa sahaja tentang cara hidup yang lahir dari apa yang diwarisi daripada setiap anggota masyarakat dalam sesebuah masyarakat.

Menurut Wan Abdul Kadir (2010: 87-88), “budaya” secara jelasnya sebagai keseluruhan amalan hidup setiap anggota masyarakat, cara hidup ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti peralatan, kecanggihan teknologi, word-view, nilai dan pemikiran. Setiap lapisan masyarakat memiliki sebuah budaya dan budaya tersebut dimiliki secara tidak langsung akan menonjolkan identiti dan jati diri masyarakat tersebut. Sementara itu, “budaya” juga merupakan penyataan emosi, jiwa, falsafah, pemikiran, nilai sosial kepada masyarakat. Garapan unsur-unsur budaya meletakkan makna dan pengertian yang mendalam kepada kelompok masyarakat yang mengilhamkannya dengan sempurna.

Menurut, Hasyim Awang (1977: 37), “budaya” merupakan satu ciptaan melibatkan cipta, rasa dan penggunaan akal fikiran manusia. Segala hasil ciptaan manusia tercetus daripada sifat kreatif dan inovatif yang ada seiring

dengan kelahiran manusia dalam masyarakat. "Budaya" sendiri terbentuk hasil dari aktiviti manusia. Aktiviti-aktiviti melibatkan perlakuan manusia secara sedar dan diulang-ulang dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Justeru dengan rasa bangga melahirkan satu identiti sesuatu bangsa melalui pengesahan norma budaya hidup mereka.

Sementara itu, Awang Sariyan (2009: 8) menyatakan "budaya" terbit melalui dua rangkai kata iaitu budi dan daya sesuatu bangsa. Budi pula merujuk kepada akal dan manakala daya merujuk kepada usaha menggunakan akal untuk membentuk sistem hidup. Dalam penggunaan akal atau budi ialah bahasa memainkan peranan sebagai wasilah, iaitu menjelaskan konsep-konsep atau idea-idea yang berkaitan dengan pembentukan sistem hidup dinamai kebudayaan. Penjelmaan atau realisasi segala konsep dan idea yang berkaitan dengan budaya atau sistem hidup yang berkaitan dengan kebudayaan terlaksana melalui bahasa. Hal ini kerana bahasa merupakan fakulti dalam akal yang berperanan sebagai pengungkap konsep dan idea yang dikembangkan pada sesuatu zaman dan juga satu generasi ke generasi yang berikutnya.

Seterusnya, menurut Bachtiar Harsja (1998: 21) menyatakan bahawa "budaya" merujuk kepada aspek kehidupan, tiap-tiap masyarakat mempunyai kebudayaan dan manusia juga makhluk yang berbudaya. Wujud tiga tunjang utama budaya dalam kehidupan masyarakat. Pertama, adalah wujudnya idea yang sifatnya abstrak tidak dapat disentuh atau dirakam iaitu lokasi hanya berlegar di dalam fikiran sahaja. Kedua, budaya merupakan satu sistem sosial mengenai tindakan berpola dari manusia itu sendiri. Sistem ini terdiri dari aktiviti-aktiviti manusia berinteraksi, berhubungan serta bergaul satu dengan lain mengikut garis panduan pola-pola tertentu berpaksikan adat tatacara kelakuan. Ketiga, budaya fizikal iaitu hasil dari kegiatan fizikal seperti aktiviti, perbuatan dan karya semua manusia dalam masyarakat.

Selain itu, menurut Maheram Ahmad (2007: 119), "budaya" merangkumi kepercayaan, sejarah, struktur sosial, tradisi, agama, adat resam, cara berfikir, cara bertindak, cara melaksanakan sesuatu, cara berpakaian, cara bercakap, tempat tinggal, makanan dan lain-lain lagi. Sehubungan itu hal-hal yang merangkumi seluruh cara hidup manusia sudah tentu budaya akan diwarisi oleh generasi yang berikutnya. Justeru melalui warisan budaya ini akan kekal sebagai takungan khazanah dan sentiasa diingati oleh kelompok masyarakat.

Berdasarkan kepada beberapa pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa "budaya" bererti satu rangkuman keseluruhan amalan dan nilai hidup setiap anggota masyarakat, cara hidup ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti ekonomi, politik, peralatan, word-view, urbanisasi, adat resam, kesenian, kecanggihan teknologi, nilai dan pemikiran, sistem masyarakat. Pelbagai aspek budaya seperti politik, ekonomi, pola penempatan, sistem sosial, sistem adat, sistem kepercayaan dan lain-lain diwujudkan bagi

mengekalkan keseimbangan hubungan dan saling memerlukan antara manusia dengan alam sekitarnya. Pembentukan akhlak dan nilai individu dipengaruhi oleh faktor kebudayaan yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Selain itu, setiap kebudayaan yang mempunyai sifat dinamik melibatkan segala gerak-geri, perjalanan, jalinan dan perkembangan tercetus daripada akibat pergerakan masyarakat yang menjadikan sesuatu yang menarik.

1.7.3 “Nilai Budaya”

Menurut Koentjaraningrat (1984: 2), “nilai budaya” adalah tingkat pertama kebudayaan ideal atau adat suatu masyarakat. “Nilai budaya” adalah lapisan paling abstrak dan luas ruang lingkupnya. Tingkat ini adalah idea-idea yang bernilai dalam kehidupan masyarakat. Sistem nilai budaya berfungsi sebagai pedoman bagi kelakuan manusia yang melibatkan aturan-aturan khusus, hukum dan norma-norma kepada anggota masyarakat.

Menurut Koentjaraningrat (1980), “nilai budaya” adalah satu konsep umum yang dijadikan pedoman dan petunjuk kepada tingkah laku manusia sama ada secara individu, dalam kelompok atau masyarakat tentang baik buruk, patut atau tidak patut dan benar atau salah.

Menurut Edwar Djamis dan rakan-rakan (1993: 3), “nilai budaya” melibatkan suatu hubungan tertentu. Terdapat lima kategori hubungan dalam “nilai budaya” pertama, nilai budaya hubungan manusia dengan Tuhan, kedua “nilai budaya” hubungan manusia dengan alam. Manakala, ketiga ialah “nilai budaya” hubungan manusia dengan masyarakat. Hubungan yang keempat adalah hubungan dengan manusia dan hubungan terakhirnya ialah hubungan manusia dengan diri sendiri. Kesemua hubungan yang dibina ini untuk membentuk kesejahteraan hidup.

Seterusnya Renggo Astuti, Elizabeth T. Gurning & I Made Purna (1998: 8) menyatakan sistem budaya berdasarkan kerangka Kluchon terdapat lima masalah pokok dalam aspek “nilai budaya” dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana manusia dikurniakan akal fikiran digunakan untuk berfikir. Kebolehan berfikir diaplikasikan untuk menyelesaikan setiap masalah hidup yang dihadapi. Setiap masalah yang dihadapi diselesaikan ini melahirkan pemahaman terhadap “nilai budaya”.

Menurut T. Fatimah Djajasudarma, E Kalsum, Yetti Setianingsih & Cece Sobarna (1997: 10), “nilai budaya” sebagai nilai yang berfokuskan kepada berbagai-bagai hal termasuklah seluruh tingkah manusia berbudaya, minat, pilihan, tugas, kewajiban beragama, keperluan, keamanan, tujuan dan perkara-perkara yang berhubungan dengan perasaan. Hubungan dalam “nilai budaya” tersebut melibatkan hubungan manusia dengan manusia (NM), hubungan

dengan hidup (MH), hubungan dengan kerja (MK), hubungan dengan waktu (NW) dan hubungan manusia dengan alam (MA). Hubungan ini merupakan satu landasan bagi membentuk perilaku hidup manusia yang dimanifestasikan dalam tata lakukan.

Selain itu, Liesna Andriany (2008: 226), "nilai budaya" adalah sebahagian dari suatu sistem budaya. Sistem budaya terdiri di atas konsepsi-konsepsi yang hidup dalam fikiran. Oleh itu, hal-hal mengenai yang dianggap padat dengan nilai-nilai dalam kehidupan yang dijadikan pedoman. Sistem nilai budaya berasal dari konsepsi yang hidup dalam pemikiran sebahagian besar warga masyarakat yang beranggap bernilai dalam kehidupan. Oleh itu, secara tidak langsung memberikan tafsiran bahawa "nilai budaya" memainkan peranan penting sebagai pedoman bagi tingkah laku dan perbuatan manusia.

Seterusnya, menurut Herusatoto & Budiona (2003: 10) sistem "nilai budaya" berfungsi sebagai pedoman tertinggi bagi kelakuan manusia. "Nilai budaya" adalah konsep-konsep dalam alam fikiran sebahagian dianggap bernilai di dalam hidupnya. Melalui kesedaran ini akan mempengaruhi sikap dan perilaku dalam hidup manusia. Nilai-nilai tersebut secara tidak langsung akan terbentuk di dalam masyarakat dan nilai-nilai yang diilhamkan akan dijadikan panduan dari satu generasi ke generasi yang akan datang. Nilai-nilai budaya tersebut sangat bernilai kepada kelompok masyarakat tersebut.

Seterusnya, Junus (1987: 15) menyatakan bahawa "nilai budaya" dan kehadirannya merupakan identiti bangsa walau pada dasarnya merupakan karya rekaan atau imaginasi, namun "nilai budaya" dapat berubah mengikut perubahan zaman dan keperluan penyelidikan. Selain itu, "nilai budaya" satu rangkaian konsep abstrak yang hidup dalam fikiran setiap warga.

Menurut Budi Sasonto S.J (1992: 25), "nilai budaya" adalah tatacara dan ujaran peraturan yang telah ditetapkan oleh sebahagian ahli masyarakat. "Nilai budaya" yang dianggap baik adalah nilai yang dipandang oleh masyarakat. "Nilai budaya" wujud hubungan setiap individu dengan kelompok masyarakat sangat penting dalam menjalankan hubungan kemasyarakatan. "Nilai budaya" yang menonjol dalam hubungan bermasyarakat ialah gotong-royong, toleransi, prihatin dan menghormati antara satu sama lain.

Menurut Mahmud Ahmad (1990: 10), "nilai budaya" menggambarkan segala kelakuan, tingkah laku dan aktiviti yang berbentuk larangan atau pedoman yang perlu untuk manfaat dalam menentukan hidup cara hidup. "Nilai budaya" adalah perkara yang baik digalakkan dan perkara yang buruk perlu dielakkan. Sehubungan itu, dapat digambarkan bahawa nilai budaya tiga puluh empat seperti berikut suka menolong, bersyukur, bekerja keras, kebijaksanaan, musyawarah, gotong-royong, kesetiaan dan kepatuhan, berusaha, kerukunan, ketabahan dan kesabaran, keadilan, menetapi janji, merendah diri,

menghormati orang tua, kerajinan, keberanian, patuh kepada pemimpin, kesejahteraan, keharmonian, prihatin, bertanggungjawab, kepintaran, kasih sayang, tolong-menolong, menghormati raja, patuh kepada adat dan sebagainya. Nilai ini dikemukakan bagi pemahaman sistem perilaku dan produk budaya dicetuskan oleh sistem nilai masyarakat.

Menurut Juli Edo (2005: 204), “nilai budaya” sesebuah masyarakat mempunyai beberapa ciri tertentu. Ciri yang pertama ialah “nilai budaya” yang mempunyai dinamisme yang tersendiri, tidak statis tetapi sentiasa berubah mengikut keperluan dan peredaran zaman. Ciri yang kedua ialah nilai diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi secara perwarisan menerusi proses sosialisasi. Ciri “nilai budaya” yang ketiga ialah, nilai ini boleh dipecahkan kepada beberapa aspek penting seperti nilai politik, ekonomi, pendidikan, agama, bahasa dan lain-lain lagi bagi membentuk satu nilai teguh mengikut gagasan tertentu. Ciri yang keempat ialah “nilai budaya” kekal dalam suatu jangka masa tertentu. “Nilai budaya” lahir dari persetujuan kolektif masyarakat tentang suatu ukuran yang digunakan untuk menentukan bahawa setiap gagasan atau tingkah laku itu baik, penting dan dihargai oleh masyarakat.

Berdasarkan pemahaman pandangan sarjana di atas, “nilai budaya” dapat dirumuskan sebagai nilai-nilai yang menjadi tatacara dan peraturan yang ditetapkan, disepakati dan tertanam dalam masyarakat untuk dijadikan pedoman dan panduan bagi kelakuan anggota masyarakat.

1.7.4 “Cerita Rakyat”

Menurut Siti Fatiemah Sa’at dan Jama’yah Zakaria (2013: 83), cerita rakyat merupakan sebuah genre sastera yang diperturunkan secara lisan iaitu dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Amalan dan kegiatan ini menjadi satu warisan yang wujud ketika zaman nenek moyang kita pada zaman dulu lagi.

Selain itu, Mana Sikana (2010: 42) menyatakan bahawa sastera rakyat atau lebih jelas cerita rakyat adalah nama lain yang diberikan khas kepada hasil karya sastera yang diilhamkan oleh seseorang individu suatu ketika masa masyarakat Melayu yang hidup dalam budaya persekitaran yang diciptakan tersendiri oleh komuniti masyarakatnya. Cerita rakyat merupakan sebuah daya dan nadi karya sastera masyarakat Melayu lama, yang dipertuturkan dari mulut ke mulut melalui pelbagai cara seperti amalan lisan dan catatan, kemudian diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain dalam suatu jangka masa tertentu.

Seterusnya, Mohd Taib Othman (1988: 316) menyatakan cerita rakyat ini dipertuturkan secara lisan. Cara dan kaedah ini merupakan satu ekspresi

budaya, yang diteruskan oleh masyarakat, sama ada dari segi masa ataupun dari segi ruang ia dilafazkan dari mulut ke mulut dan tidak bertulis atau dicatat. Cerita rakyat ini hak milik bersama masyarakat kolektif. Justeru itu, soal hak cipta dan milik cerita rakyat tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa sahaja. Hal ini, kerana cerita rakyat tersebut banyak versi yang bergantung pada penyampaianya.

Menurut Annas Haji Ahmad (1988: 11), cerita yang tergolong di dalam sastera lisan rakyat tidak mementingkan tulisan, hal ini kerana sastera ini disebarluaskan dari mulut ke mulut dan warisan penyampaian ini dari satu keturunan kepada satu keturunan yang berikutnya. Dengan perkataan yang lain, sastera rakyat dikenali juga dengan nama sastera lisan atau sastera mulut.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Ya'acob (2015: 8) menyatakan bahawa sastera rakyat yang menjadi milik sebuah masyarakat khususnya Melayu dan merupakan hasil pengucapan masyarakat pada ketika dahulu. Tradisi dan warisan pengucapan ini dipanjangkan dari satu generasi ke generasi yang berikut berasaskan kepada elemen yang terdapat di dalamnya.

Berdasarkan kepada pandangan sarjana di atas, dapat dirumuskan bahawa “cerita rakyat” merupakan satu khazanah sastera milik bersama sebuah masyarakat tertentu yang menjadi warisan yang disampaikan secara lisan secara tuturan dari mulut ke mulut. Bahan yang terkandung dalam cerita tersebut padat dengan gambaran kehidupan, budaya masyarakatnya dan pandangan pada masa akan datang. Jelaslah cerita rakyat berfungsi sebagai hiburan, padat dengan unsur hiburan, kaya dengan elemen didaktik kepada khalayak pendengar dan sebagai pendokumentasian elemen moral serta budaya kepada generasi seterusnya.

1.7.5 “Orang Asli”

Menurut Zawawi Ibrahim (1996: 2), “Orang Asli” merupakan salah satu kelompok manusia yang segan dekati, dan enggan menerima sesuatu yang dianggap setaraf atau kebiasaannya. Lantaran itu, golongan Orang Asli dapat membentuk pemikiran yang sangat signifikan tentang sejarah asal-usul diri dan asas utama berkaitan dengan kewujudan mereka sebagai suatu komuniti manusia yang kian terasing, tersisih, terpinggir pada masa kini. “Orang Asli” sangat bergantung metafora, alam, serta makna-makna sejarah tersurat dan tersirat kekal abadi beriringan dengan lagenda mitos dan cerita-cerita asal-usul purba atau *genealogies*, jelaslah membuktikan bahawa “Orang Asli” merupakan antara golongan-golongan, suku-kaum yang terawal, pertama dan asli mendiami rantau ini.

Seterusnya, Khairul Hisyam Kamarudin (2007: 60) menyatakan bahawa "Orang Asli" merupakan satu kelompok manusia terdapat di Semenanjung Malaysia dan selain kumpulan etnik-ethik di negeri Sabah dan Sarawak. Penempatan yang bertaburan terutamanya di kawasan negeri Pahang, Perak, Terengganu, Kelantan, Johor dan Selangor. Masyarakat "Orang Asli" juga dikategorikan sebagai "orang darat" dan 'orang laut'. Orang darat terdiri daripada keluarga Orang Asli Senoi antaranya Suku Semai yang mempunyai majoriti yang ramai mendiami kawasan ini. Manakala orang laut selalunya dikaitkan Melayu-Asli (Proto-Melayu) yang mendiami di kawasan negeri Johor merangkumi Orang Kuala dan Orang Selendar.

Seterusnya, menurut Ma'ruf Redzuan & Sarjit S.Gill (2008: 5), masyarakat "Orang Asli" merupakan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan masih lagi melakukan aktiviti pembudayaan dan masih mengamalkan amalan kuno dalam kelangsungan hidup mereka sehari-hari. Oleh hal yang demikian, jelas terbukti bahawa masyarakat "Orang Asli" merupakan golongan yang masih lagi wujud serta masih mengamalkan kegiatan-kegiatan tradisi dalam sesebuah kehidupan sehingga kini.

Selain itu, Ramlee Abdullah (2008: 44-45) menyatakan masyarakat "Orang Asli" adalah satu istilah khas yang diberikan kepada sekelompok masyarakat peribumi yang terdapat semenanjung Malaysia. Hal ini terbukti masyarakat Orang Asli mempunyai pelbagai sifat, sama ada dari sudut etnik maupun kediamannya, pentafsiran cara dan corak mereka sukar diramalkan dengan tepat tentang kehidupannya. Namun demikian, berdasarkan kepada tempat tinggal mereka yang sebahagian besarnya mendiami di kawasan pedalaman, satu andaian dan rumusan umum boleh disimpulkan iaitu cara hidup mereka saling berkaitan secara langsung dengan ekologi semula jadi termasuklah mendiami kawasan pedalaman, hutan rimba, bukit-bukau, gunung, pinggiran sungai dan tepi tasik.

Seterusnya, menurut Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin (2009: 2-3) "Orang Asli" atau penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan tetap dan sejagat tetapi ia menjadi kebiasaan merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang wujud dalam sesebuah kawasan, daerah, tempat, negeri dan negara. Secara rasmi masyarakat "Orang Asli" Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga kumpulan ialah Senoi, Melayu Proto dan Senoi. Perbezaan dengan masyarakat lain dapat lihat melalui rupa wajah dan postur tubuh badan serta dapat dikenal pasti melalui bentuk fizikal seperti berambut kerinting, bermata bundar, telinga lebar, memiliki bentuk bibir yang tebal dan mempunyai berkulit gelap.

Berdasarkan beberapa pandangan yang dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa masyarakat "Orang Asli" merupakan satu komuniti yang mendiami di kawasan pedalaman. Komuniti masih mengamalkan amalan hidup yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Selain itu, masyarakat "Orang Asli" merupakan salah satu masyarakat yang kaya dengan nilai budaya yang unik, tarian yang penuh simbolik, memiliki pemikiran yang kreatif dalam

penghasilan bidang kraf tangan, peralatan mahupun dan kesenian yang penuh dengan warisan tradisi. Masyarakat ini juga menjadikan alam sebagai sumber rezeki dan selain Islam sebagai agama rasmi ada sesetengah mereka mengamalkan amalan animisme dalam kehidupan sehari-hari.

1.8 Kesimpulan

Peranan cerita rakyat pada satu ketika dahulu sangat penting dan bernilai kepada masyarakat tani. Walaupun cerita rakyat disampaikan dari mulut ke mulut namun ia kekal sebagai satu medium penyampaian yang berkesan dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan jati diri masyarakat ini. Peranan dan tugas tukang cerita atau dikenali dengan geleran Tuk Selampit, Pawang Ana, Tok Batin dan Penglipurlara sangat berat, hal ini kerana mereka perlu mengolah setiap susunan idea, garapan tema, perkataan, estetika dan jalan cerita setiap cerita yang hendak disampaikan secara kreatif agar cerita rakyat yang disampaikan menjadi lebih menarik untuk didengari. Seterusnya, cara penyampaian yang menarik ini secara tidak langsung dapat memudahkan khalayak pembaca dan pendengar dapat memahami setiap inci cerita rakyat tersebut yang disampaikan. Menerusi intipati cerita rakyat yang didengari tersebut pendengar dapat mengetahui dan memperolehi nilai murni, pedoman dan tauladan terdapat didalam dan seterusnya mengaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Jelaslah, bahawa cerita-cerita rakyat dijadikan pedoman, tauladan dan larangan kepada kelompok masyarakat. Selaras dengan itu, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar merupakan takungan ilmu, dan warisan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun lagi.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia Suatu Pengenalan Latar Belakang dan Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M). Sdn. Bhd.
- A. Aziz Deraman. (2010). *Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Abdul Ghani Abu. (2013). Kebebasan dan Keharmonian Hidup Bernegeara. *Dewan Budaya Ogos*: 23-24.
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit KUiTHHO.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2002). *Muafakat dalam Kesejahteraan*. Kota Bharu: Pustaka Cemerlang.
- Annas Haji Ahmad. (1988). *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Petaling Jaya: Masa Enterprise.
- Anida Alias. (2012). Pada Suatu Masa di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar. Kertas kerja Regional Conference on Values and Humanities (REVOVH). Anjuran Universiti Malaysia Kelantan. Kota Baru, 2-3 Disember 2012.
- Awang Sariyan. (2009). Bahasa Sebagai Asas Keperkasaan dan Kelestarian Akar Budaya: Hakikat dan Kerangka Strategik untuk Tamadun Melayu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kali Ke-2*, hlm. 9-10.
- Bachtiar. Harsja. (1998). *Masyarakat dan Kebudayaan*. Jakarta: Djambatan.
- Binford, L.R. (1968). *New Perspectivites in Archeology*. Chicago: Aldine.
- Budi Darman. (2002). Sastera: Memanusiakan Manusia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu I*, hlm. 11-13.
- Budi Sasonto S.J. (1992). *Pengantar Antropologi*. Bandung: Penerbit Binatjipta.
- Edwar Djamis (et al.). (1993). *Nilai Budaya dalam beberapa Karya Sastra Nusantara: Sastra Daerah Di Sumatra*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Ee Ah Meng. (1992). *Pendidikan Moral: Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Logman.

- Hasyim Awang. (1977). *Budaya dan Kebudayaan: Teori, Isu dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya.
- Hashim Awang. (1989). *Budaya dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Herusatoto & Budiona. (2003). *Simbolisme dalam Budaya Jawa*. Yogjakarta: Hanindia.
- Hood Salleh. (2004). *Masa Depan Sosio Ekonomi Orang Asli dalam Milenium Baru*. Kertas Kerja Seminar Orang Asli. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 10 Mei.
- Ibrahim Mamat. (1995). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita.
- Jeniri Amir. (2010). *Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Junus, Bakhrum (et al.). (1979). *Struktur Sastera Lisan Alas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan.
- Juli Edo. (1990). *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. (2004). *Adat Dan Nilai Masyarakat Orang Asli*. Kertas Kerja Seminar Orang Asli. Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur, 4 September.
- Juli Edo. (2005). *Adat dan Nilai Masyarakat Orang Asli. Dalam Orang Asli Khazanah Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapam Orang Asli*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Koentjaraningrat. (1973). *Pengantar Antropologi*. Jakarta: Penerbit Aksara Baru.
- Koentjaraningrat. (1984). *Kebudayaan, Mentalis dan Pembangunan*. Jakarta: Pt Gramedia.

- Koentjaraningrat. (1980). *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Koh Siew Eng. (1988). Satu Kajian Etnografi Terhadap Komuniti Temiar di Kampung Merlung, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, Kelantan. Tesis Dr. Projek Hubungan Etnik Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.
- Laurent Metzger. (2007). *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lee Lam Thye. (1997). Nilai Murni Benteng Keperibadian. *Dewan Budaya* Julai: 37-38.
- Liesna Andriany. (2008). Nilai-nilai Budaya Syair Putri Hijau Pada Masyarakat Melayu Langkat. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-4*, hlm. 224-225.
- Lim Boo Liat. (1981). *Cerita Binatang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press.
- Maheram Ahmad. (1991). Unsur Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu. *Prosiding Peningkatan Kualiti Penyelidikan dalam Pengajaran Islam*, hlm. 119-122.
- Mahmud Ahmad. (1990). *Kebudayaan Masyarakat Sepintas Lalu*. Singapura: Pustaka Melayu Singapura.
- Mana Sikana. (2010). Disiplin Pengajian Budaya dan Transformasi ke Teori Sastera Budaya. *Jurnal Aswara* 1(2): 42-43.
- Mat Jidin Ahmad. (1994). Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli. Tesis Dr. Fal. Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Ma'ruf Redzuan & Zahid Emby. (2008). *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Abdul Qadir. (1997). *Fitrah Muslim Sejati*. Johor Baru. Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Terj. Haji Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Ismail. (2012). Estetika dan Amanat dalam Lirik Lagu Halim Yazid. Tesis Dr. Fal. Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Ya'cob. (2015). Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Tesis Dr. Fal. Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

- Mohd Taib Othman. (1981). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Othman. (1988). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff Ismail. (2007). *Akhlik Mulia dan Bimbingan Moral*. Puchong: Berlian Publication.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2008). *Pura Taman: Antara Dalang dan Dagang*. Tesis Dr. Fal. Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Muhamad Al-Ghazali. (2008). *Akhlik Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: Crescent News (KI) Sdn. Bhd.
- Mustafa Hj Daud. (1996). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman. (2013). *Kajian Kraf Masyarakat Orang Asli Temiar, Kuala Betis*. Kota Bahru: Jabatan Kajian Sosial.
- Noraini Awang Mat. (2001). Masyarakat Temiar dan perubahan: Kajian kes di Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Tesis Dr. Fal. Jabatan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Norita Ariffin. (2006). Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun. Tesis Dr. Fal. Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Norazam Ibun. (2010). Cerita Rakyat Temuan di Negeri Sembilan: Analisis Struktural. Tesis Dr. Fal. Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha R. Abdullah. (2011). *Menyirat Inspirasi*. Peny. Ahmad Khamal Abdullah. Johor Bharu: Percetakan Bumi Restu Sdn. Bhd.
- Or Khai Hee (2015). *Keharmonian*. Peny. Hanipah Hussin. <http://hubunganentik-malaysia.blogspot.com/2010/01/keharmonian> (diakses pada 26/2/2015).
- Othman Puteh. (1996). *Konsep Nilai dalam Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Renggo Astuti. Elizabeth T. Gurning & I Made Purna. (1998). *Kajian Nilai Budaya Naskah Kuna Kakawin Aji Palayon*. Jakarta: Projek Pengkajian dan Pembinaan Nilai-nilai Budaya Pusat Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Direktorat Jenderal Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sabihah Ibrahim. (1989). Hubungan Etnik di Kalangan Orang Asli Satu Kajian Etnografi Terhadap Orang Temiar di Kampung Chengkelik (RPS) Kuala Betis, Kelantan. Tesis Projek Hubungan Etnik Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.
- Sal Farina Kamaludin. (2003). Tradisi Lisan Berbentuk Cerita Siku Kaum Jahut di Kg Penderas Temerloh, Pahang. Tesis Dr. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Sayyed Qutb. (1993). *Islam dan Keamanan Sejagat*. Terj. Roshida Hassan. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Shaiful Bahri Md Radzi. (2004). Aku Ingin Bebas! Tradisi Lisan dan Suara Kecil Masyarakat Orang Hulu di Lembangan Sungai Endau. *Jurnal Melayu* 1(3): 146-162.
- Shaiful Bahri, Hanapi Dollah & Solehah Ishak. (2004). Si Tenggang dan Puteri Buluh Bentong: Manifestasi Orang Asli dalam Sastera Rakyat Melayu. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 14-16 Disember.
- Shaiful Bahri, Hanapi Dollah & Solehah Ishak. (2004). Legenda Buaya Sangkut: Emosi Manusia Terpencil di Ulu Endau. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Anjuran Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 12-13 Januari.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (Upena) Universiti Teknologi Mara.
- Sidek Baba. (2009). *Melayu Perkasa*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. Kuala Lumpur. *Jurnal Iman* 1(2): 12-13.
- Siti Razmah Haji Idris & Fatimah Azzahra. (1996). *Kebudayaan Kebangsaan*. Selangor: Penerbit Pinang.
- Soerjana Soekanto. (1969). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Indonesia: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia.
- T. Fatimah Djajasudarma, E Kalsum, Yetti Setianingsih (1997). *Nilai Budaya dalam Ungkapan dan Peribahasa Sunda*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

- Wan Abdul Kadir. (2010). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Hashim Wan Teh. (1989). Industri Budaya: Pembangunan Industri Budaya Melayu. *Jurnal Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu* 6(1988):31-46.
- Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid. (2002). *Nilai Islam dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur. Wacana Ilmu.
- Wan Marzuki Wan Zain. (2010). Nilai Murni dalam Novel Iman. Tesis Dr. Fal. Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Yahaya Mahamood & Tan Joo Peng. (2006). Kemurungan dan Penghargaan Kendiri Kanak-kanak Cacat Pendengaran dalam *Manusia Perspektif Psikologi*. Peny. Rohani Nasir & Fatimah Omar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin. (2009). *Perspektif Historiografi Orang Asli Di Semenanjung Malaysia Dalam Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ibrahim. (1996). *Kami Bukan Anti Pembangunan (Bicara Orang Asli Menuju Wawasan 2020)*. Bangi: Vinlin Press Sdn Bhd.